

Newspaper	Berita Harian
Date	29/06/13

2 NASIONAL

SABTU 29 JUN 2013

BH



Najib berdoa bersama orang ramai sebelum berlepas ke Tanzania di Kompleks Bunga Raya, KLIA, semalam. [FOTO BERNAMA]

Bantu transformasi ekonomi Tanzania

BH 29/6/2013

» Malaysia sedia hulur bantuan aspek pembangunan

Wan Hazmir

Bakar

wanhazmir@mediaprima.com.my

Dar es Salam, Tanzania



Malaysia akan menghulur bantuan kepada Tanzania dalam bidang transformasi ekonomi, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Beliau berkata demikian dalam akaun Twitter @NajibRazak sebelum berlepas ke negara Afrika ini untuk menghadiri Dialog Perkongsian Pintar Global Global (GSPD), semalam

"Bersiap sedia untuk terbang ke Tanzania petang ini. Malaysia membantu mereka

untuk meletak asas bagi transformasi ekonomi," menurut mesej tweet beliau.

Najib mengetuai delegasi Malaysia ke dialog bertemakan 'Memanfaatkan Teknologi bagi Transformasi Sosio Ekonomi Afrika' yang berlangsung empat hari di Dar Es Salaam.

Banyak dipelajari

Pesawat khas yang membawa Najib dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor berlepas dari Kompleks Bunga Raya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 4 petang. Turut mengiringi beliau ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Sementara itu, Pengerusi Kerjasama Komanwel bagi Pe-

ngurusan Teknologi (CPTM), Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, berkata negara Afrika mahu GSPD yang dimulakan dengan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) pada 1995 diteruskan kerana masih banyak pengalaman Malaysia dalam aspek pembangunan yang perlu mereka pelajari, khususnya program transformasi bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi.

Beliau berkata selepas 18 ta-

“Malaysia membantu mereka untuk meletak asas bagi transformasi ekonomi”

Najib Razak, Perdana Menteri

hun mempelajari pengalaman Malaysia dan melaksanakan pelan wawasan sendiri dengan mencontohi Wawasan 2020, beberapa negara Afrika kini mahu mempelajari program transformasi negara.

"Mereka ingin mempelajari kejayaan Malaysia dan masalah yang dihadapi dalam membangunkan negara. Mereka sedang mempelajari dan membawa masuk model transformasi kita ke sini kerana menyedari pelan transformasi sosioekonomi amat penting bagi mereka," katanya.

Minat transformasi

Omar berkata, minat negara Afrika terhadap program transformasi Malaysia amat tinggi hingga ada yang menubuhkan entiti sama seperti PEMANDU untuk menerajui program transformasi di negara mereka.

Sehubungan itu, Malaysia memberi bantuan dan nasihat untuk negara terbabit merangka dan melaksanakan program transformasi masing-masing.

"Sebelum ini mereka mengubah suai Wawasan 2020 dan menubuhkan Majlis Kebangsaan Wawasan. Berikutan itu mereka mengalami kadar pembangunan yang pesat," katanya.

Mengenai kritikan terhadap manfaat GSPD kepada Malaysia, Omar berkata siri dialog itu banyak memberi manfaat kepada negara dan syarikat tempatan, walaupun tidak begitu menyerlah.

"Dialog ini adalah pertemuan dan pembelajaran dengan berkongsi pengalaman," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MATRADE, Datuk Dr Wong Lai Sum, berkata kini adalah masanya untuk syarikat Malaysia melihat dengan serius peluang perniagaan dan pelaburan di Afrika dan memanfaatkan peluang yang diwujudkan GSPD.